

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 10.6.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian tender projek 1BestariNet, termasuk semua syarikat dalam senarai terpilih (short-list), bidaan mereka dan sebab-sebab YTL Communications telah dipilih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui tender terbuka pada tahun 2011, sebanyak 23 syarikat telah memasuki tender membekalkan perkhidmatan internet ke sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM). Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. berjaya dipilih dan diberikan kontrak bernilai RM663 juta bagi tempoh 2 ½ tahun bermula 13 Disember 2011 hingga 12 Jun 2014 untuk pembekalan internet dan Virtual Learning Environment (VLE) ke 10 ribu buah sekolah seluruh Malaysia.

YTLC dipilih oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang terdiri daripada pegawai teknikal daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Unit Pemodenan Tadbiran dan

Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan juga pegawai teknikal KPM. Pemilihan adalah berdasarkan tawaran YTLC yang dikemukakan menepati spesifikasi tender yang ditetapkan dan lebih menguntungkan kerajaan berbanding tawaran-tawaran yang dikemukakan oleh petender-petender lain.

RJM76